

PM mulakan lawatan rasmi 3 hari ke Rusia

Daripada HAMZAH SIDEK

UIM 14 MAR 2002

MOSCOW 13 Mac — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan isterinya Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali tiba di sini malam ini bagi memulakan lawatan rasmi pertama ke Rusia selama tiga hari untuk meningkatkan hubungan dua hala khususnya di bidang perdagangan.

Dalam apa yang disifatkan oleh Duta Malaysia di Rusia, Datuk Kamaruddin Mustafa sebagai luar biasa, ketibaan mereka disambut secara rasmi di lapangan terbang Vnokovo 2.

Pada kebiasaannya, upacara sambutan rasmi bagi para pemimpin asing hanya diadakan pada waktu siang seperti di Malaysia.

Dr. Mahathir akan mengunjungi Presiden Rusia, Vladimir Putin esok dan Perdana Menteri Rusia, Mikhail Kasyanov pada Jumaat ini.

Dalam perbincangan secara peribadi dengan Putin, Perdana Menteri dijangka meninjau ruang bagi meningkatkan perdagangan antara kedua-dua negara berjumlah kira-kira AS\$300 juta setahun yang kini lebih memihak kepada Rusia.

Satu perjanjian mengenai pembelian kredit minyak sawit dijangka ditandatangani esok selepas rundingan rasmi antara kerajaan yang akan menyusul selepas perbincangan peribadi Dr. Mahathir-Putin.

Perdana Menteri juga akan melawat Pusat Kaji Cuaca dan Alam Sekitar Rusia, Institut Kimia Bio-organik Ovchinnikov dan Institut Penerbangan Zhukovsky, di mana beliau akan menyaksikan dengan lebih dekat keupayaan jet buatan Rusia, SU 30.

Pada hari Jumaat, Dr. Mahathir akan menemui masyarakat Islam tempatan dan bersembahyang dengan mereka di Masjid Mira, iaitu masjid tertua di Moscow. Lebih 20 juta orang daripada 145 juta rakyat Rusia beragama Islam dan 5 juta daripada mereka adalah penduduk Moscow.

Rombongan Perdana Menteri disertai lima menteri — Menteri Pertahanan, Menteri Luar, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Menteri Kesihatan dan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar — serta empat ketua kerajaan negeri iaitu Menteri Besar Negeri Sembilan, Menteri Besar Perak, Menteri Besar Perlis dan Ketua Menteri Sabah.

Rombongan Malaysia dianggotai kira-kira 250 orang termasuk pegawai-pegawai kanan kerajaan dan kira-kira 100 tokoh korporat.

Perdana Menteri juga akan menemui dan berucap kepada ahli-ahli perniagaan Rusia dalam satu forum bisnes. Beliau juga akan menemui kira-kira 90 pelajar Malaysia yang kebanyakannya menuntut dalam jurusan perubatan. — *Utusan*